

LAWATAN KERJA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) KE TAWAU

Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang), Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Hassan telah mengadakan satu lawatan kerja ke Tawau sempena program Jelajah MyLaw@Tawau untuk melihat sendiri tapak mahkamah baharu yang akan didirikan. Mahkamah baharu tersebut dijangka siap pada tahun 2023 dengan anggaran kos sebanyak RM100 juta ringgit. Mahkamah baharu ini turut dilengkapi 9 Bilik Bicara yang akan menempatkan Mahkamah Tinggi, Sesyen dan Majistret.

Beliau juga berkesempatan meninjau program Mahkamah Bergerak atau *Mobile Court*, iaitu salah satu daripada inisiatif Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan keadilan terbaik kepada rakyat. Mahkamah Majistret dapat berfungsi di dalam Mahkamah Bergerak dan mempercepatkan proses antaranya bagi pengesahan kelahiran jika lewat daftar.

Yang Berhormat Menteri sebelum itu turut singgah ke Pejabat Insolvensi Malaysia Cawangan Tawau dan mendengar taklimat berkaitan kes-kes kebangkrupan yang sedang diuruskan serta menyampaikan Sijil Pelepasan Seksyen 33A Akta Insolvensi kepada 5 orang penerima.



HARI BERTEMU PELANGGAN SEMPENA JELAJAH MYLAW@TAWAU

Sempena program Jelajah MyLaw@Tawau pada 7 September 2020, Hari Bertemu Pelanggan bersama tiga buah agensi iaitu Jabatan Bantuan Guaman (JBG), Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl) dan Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) telah diadakan bertempat di Tingkat 6, Pusat Transformasi Bandar (UTC) Tawau.

Selain daripada pameran, turut diadakan kaunter perkhidmatan iaitu Klinik Bantuan Guaman dan Khidmat Pengurusan Kebankrapan bagi membolehkan orang ramai berurusan secara terus dengan JBG dan Mdl.

Dalam pada itu, dua slot ceramah bertajuk “Khidmat Pendamping Guaman Bagi Kes Jenayah Seksual Kanak-Kanak” disampaikan oleh Puan Aznika Mohd Anas, Pengarah Bahagian Peguam Panel dan Pendamping Guaman, Jabatan Bantuan Guaman dan “Kebankrapan : Satu Stigma” disampaikan oleh Puan Naliatul Huzaimi Ab. Rasip, Penolong Kanan Pengarah Bahagian Kebankrapan, Jabatan Insolvency Malaysia turut diadakan bertujuan untuk meningkatkan kefahaman orang ramai berhubung jenayah seksual kanak-kanak dan isu kebankrapan.



LAWATAN KERJA TIMBALAN MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) KE SANDAKAN

Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) telah mengadakan lawatan kerja ke Sandakan, Sabah sempena program Jelajah MyLaw@Sandakan pada 17 September 2020. Beliau memulakan lawatannya ke Mahkamah Sandakan yang telah beroperasi sejak tahun 2003 yang terdiri daripada 1 Mahkamah Tinggi, 2 Mahkamah Sesyen dan 3 Mahkamah Majistret.

Yang Berhormat Timbalan Menteri juga berkesempatan meninjau Mahkamah Bergerak atau *Mobile Court*, iaitu salah satu daripada inisiatif Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan keadilan terbaik kepada rakyat. Semasa di dalam Mahkamah Bergerak, beliau turut mendengar kes daftar lewat kelahiran seorang pelajar sekolah di mana pemohon memerlukan endorsan mahkamah di Sijil Lahir bagi memohon kad pengenalan. Sesi taklimat pula disampaikan oleh Puan Egusra Ali, Pengarah Mahkamah Negeri Sabah dan Tuan Indra Haji Ayub, Hakim Mahkamah Sesyen, Sandakan, Sabah.

Yang Berhormat Timbalan Menteri turut mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Insolvency Malaysia Cawangan Sandakan di mana beliau diberi taklimat berkaitan kes-kes kebangkrupan yang disampaikan oleh Tuan Mohd Nazri Omran, Pengarah Insolvency Sabah. Beliau turut menyampaikan Sijil Pelepasan Seksyen 33A Akta Insolvency kepada 4 orang penerima.



LAWATAN KERJA MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI (PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG) KE KOTA KINABALU

Yang Berhormat Dato' Takiyuddin Hassan, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang) memulakan lawatan kerja ke Kota Kinabalu, Sabah pada 18 November 2020 sempena program Jelajah MyLaw@KK dengan mengunjungi Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu yang telah beroperasi mulai 9 Ogos 2018 yang lalu. Kompleks Mahkamah Kota Kinabalu ini telah dirasmikan oleh Yang Dipertua Negeri Sabah, Tun Datuk Seri Panglima (Dr.) Haji Juhar bin Datuk Haji Mahirun pada 2 April 2019. Kompleks mahkamah ini terdiri daripada 16 Bilik Bicara iaitu 1 Mahkamah Persekutuan, 3 Mahkamah Tinggi, 6 Mahkamah Sesyen dan 6 Mahkamah Majistret.

Yang Berhormat Menteri juga berkesempatan meninjau Mahkamah Bergerak atau *Mobile Court*, iaitu salah satu daripada inisiatif Kerajaan dalam memberikan perkhidmatan keadilan terbaik kepada rakyat. Semasa di dalam Mahkamah Bergerak, beliau turut mendengar satu kes kesalahan trafik selain turut melawat Muzium Mahkamah yang terletak di aras 5 kompleks mahkamah ini.

Sesi taklimat pula disampaikan oleh Puan Egusra Ali, Pengarah Mahkamah Negeri Sabah, Puan Elsie Primus, Timbalan Pendaftar (Pentadbiran) Mahkamah Tinggi Kota Kinabalu, Puan Dayang Ellyn Narissa Abang Ahmad, Hakim Mahkamah Sesyen Kuching dan Encik Rummie Wisning, Pengarah Bahagian Teknologi Maklumat, Pejabat Ketua Pendaftar Mahkamah Persekutuan (PKPMP).

Beliau kemudiaannya turut mengadakan lawatan kerja ke Jabatan Bantuan Guaman Sabah di mana beliau diberi taklimat berkaitan operasi Jabatan ini yang disampaikan oleh Puan Safiyatun Ahmadun, Pengarah Negeri, Jabatan Bantuan Guaman Sabah. Di akhir lawatan, beliau turut berkunjung ke Jabatan Insolvensi Malaysia Cawangan Kota Kinabalu di mana taklimat disampaikan oleh Tuan Mohd Nazri Omran, Pengarah Insolvensi Sabah. Yang Berhormat Menteri turut menyampaikan Sijil Pelepasan Seksyen 33A Akta Insolvensi kepada 4 orang penerima.



MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG (APC) 2019 KLUSTER PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG JABATAN PERDANA MENTERI

Pada 24 September 2020, Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2019 Kluster Parlimen dan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri telah diadakan di Hotel The Everly Putrajaya yang disempurnakan oleh Yang Berhormat Datuk Haji Shabudin Yahaya, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).

Pada majlis berkenaan, seramai 154 penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Tahun 2019 Kluster Parlimen dan Undang-Undang, Jabatan Perdana Menteri turut diraikan sebagai tanda penghargaan terhadap sumbangan yang dicurahkan.

Daripada jumlah tersebut, seramai 14 orang penerima adalah warga Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang (BHEUU), 36 penerima dari Jabatan Bantuan Guaman (JBG), 85 penerima daripada Jabatan Insolvency Malaysia (Mdl), 6 penerima dari Bahagian Perlindungan (BP), 3 penerima dari Lembaga Penasihat (LP), 7 penerima dari Institut Latihan Kehakiman dan Perundangan (ILKAP) dan masing-masing seorang penerima dari Suruhajaya Pelantikan Kehakiman (SPK), Pejabat Yang Berhormat Menteri dan Pejabat Yang Berhormat Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Parlimen dan Undang-Undang).



KENYATAAN MEDIA PEWARTAAN AKTA LANGKAH-LANGKAH SEMENTARA BAGI MENGURANGKAN KESAN PENYAKIT KORONAVIRUS 2019 (COVID-19) 2020

Kerajaan Persekutuan daripada awal lagi amat komited dan prihatin terhadap usaha mengurangkan kesan COVID-19 bukan sahaja dalam aspek kesihatan, tetapi juga terhadap ekonomi individu dan syarikat di negara ini.

Antara langkah yang diambil adalah dengan mengadakan **Akta Langkah-Langkah Sementara bagi Mengurangkan Kesan Penyakit Koronavirus 2019 (COVID-19) 2020** yang diluluskan di **Dewan Rakyat** pada **25 Ogos 2020** dan **Dewan Negara** pada **22 September 2020** dan **dijadualkan diwartakan** pada **23 Oktober 2020** setelah mendapat **perkenan Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong** selaras dengan **Perkara 66 Perlembagaan Persekutuan**.

Akta ini akan berkuat kuasa selama dua (2) tahun dari tarikh penyiaran pada 23 Oktober dalam Warta Kerajaan, atau sebagaimana tarikh dan tempoh kuat kuasa yang telah diperuntukkan di mana-mana Bahagian yang berkaitan dalam Akta ini.


Pelaksanaan ini secara keseluruhannya dapat memberi manfaat kepada setiap individu dan syarikat yang terkesan dari aspek ekonomi akibat penularan COVID-19.

Pada masa sama, pihak-pihak berkontrak yang bertikai boleh menyelesaikan pertikaian secara baik tanpa melibatkan proses perbicaraan undang-undang di mahkamah melalui **perkhidmatan pengantaraan Pusat Mediasi COVID-19 (PMC-19)** yang ditubuhkan di bawah Jabatan Perdana Menteri. Perkhidmatan pengantaraan yang akan dijalankan melalui PMC-19 adalah terbuka kepada semua pihak dengan nilai pertikaian **RM300,000 ke bawah**.

Kerajaan juga akan membiayai **kos perkhidmatan pengantaraan** kepada golongan **B40 dan M40** serta **perusahaan bersaiz mikro dan kecil**. Sebarang pertanyaan berkaitan perkhidmatan pengantaraan ini boleh diajukan melalui pertanyaan@pmc19.gov.my.

Dato' Takiyuddin bin Hassan
Menteri di Jabatan Perdana Menteri
(Parlimen dan Undang-Undang)

22 Oktober 2020





Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri

Diterbitkan oleh :

**Unit Komunikasi Korporat
Bahagian Hal Ehwal Undang-Undang
Jabatan Perdana Menteri
Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang-Undang
Presint 3
62692 PUTRAJAYA**

**Tel : 03-88851000
Faks : 03-88851062
E-mel : bheuu.korporat@bheuu.gov.my**



bheuuipm



bheuuipm



bheuuipm



www.bheuu.gov.my